



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**30 APRIL 2024 (SELASA)**

## Perketat Sempadan Elak Lembu, Kambing Murah Diseludup Masuk - Mat Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	29 April



Mohamad (tengah) ketika merasmikan Majlis Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di KSL Esplanade Hotel, Klang pada Isnin.

KLANG - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu meminta agar penguatkuasaan di sempadan negara dipertingkatkan bagi mengekang penyeludupan kambing dan lembu murah.

Mohamad Sabu berkata, kemasukan bekalan bahan mentah yang tidak melalui proses undang-undang akan menyebabkan penternak di negara ini berdepan dengan masalah terutamanya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak.

Katanya, ini kerana kambing yang diseludup boleh dijual dengan harga sekitar RM280 hingga RM300 jauh lebih rendah berbanding haiwan tempatan.

"Ia perlu dikawal sebaik mungkin oleh jabatan berkenaan supaya penternak tidak berasa kecewa apabila usaha mereka tiada pulangan berbaloi, kos menternak sebenarnya sangat tinggi," ujarnya selepas merasmikan Majlis Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas ditanya mengenai persiapan kerajaan sempena menjelang Hari Raya Aidiladha.

Tambah beliau, selain prihatin dengan penternak tempatan, kerajaan juga bimbang sekiranya lembu dan kambing yang masuk secara haram di negara ini akan membawa penyakit.

"Daging dan sebagainya dari luar negara mesti mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) supaya benda berpenyakit tidak dimakan rakyat Malaysia," jelasnya.

Sementara itu, Mohamad memberitahu Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 yang diadakan selama tiga hari secara hibrid itu berjaya mengumpul hampir 1,000 peserta.

" Mereka terdiri daripada pemain industri dalam subsektor tanaman makanan dan pengembangan daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi.

"Program sebegini sangat baik untuk mengangkat dan memacu transformasi positif sektor agromakanan ke arah pembudayaan inovatif serta sistem pengembangan pertanian dalam subsektor tanaman makanan," katanya.

Dalam majlis tersebut, Mohamad turut melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak yang dikenali sebagai Klinik Doktor Pokok.

"Perkhidmatan bergerak ini menyediakan kemudahan seperti makmal mini, bahan rujukan, ruangan perbincangan dan kemudahan pameran. Mereka dibekalkan dengan teknologi moden untuk mengesan penyakit dengan segera selain memberi nasihat kepada pekebun bagi menyelesaikan masalah melibatkan pokok sakit.

"Setakat ini, ia dilancarkan di empat buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Bagaimanapun akan dikembangkan ke seluruh negara," jelasnya.-

[SINARHARIAN](#)

MGNews: AidilAdha: Kawal Sempadan Dengan Lebih Ketat Elak Kambing Diseludup Masuk – Mat Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Utama	Online	29 April



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata langkah itu bagi mengelak masalah kerana harga kambing import jauh lebih murah.

## Aidiladha: KPKM Mahu Kawalan Sempadan Ditingkat, Kekang Penyeludupan Haiwan Ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	29 April



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (dua dari kiri) pada sidang media selepas Perasmian Simposium Pengembangan Jabatan Pertanian 2024 di Hotel KSL Esplanade, Klang. FOTO FAIZ ANUAR

Klang: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mahu sempadan negara dipertingkatkan penguatkuasaan bagi mengekang penyeludupan masuk kambing dan lembu terutamanya menjelang Hari Raya Aidiladha.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata haiwan ternakan yang dibawa masuk tanpa melalui proses undang-undang bukan sahaja menjejaskan penternak tempatan malah dikhuatiri membawa penyakit.

"Untuk persiapan Aidiladha ini, kita harapkan penguatkuasaan di sempadan dipertingkatkan. Haiwan ternakan seperti kambing yang diseludup masuk ada yang dijual pada harga RM280 hingga RM300 seekor.

"Penternak tempatan pula perlu menjual sekurang-kurang RM600 seekor kerana perlu mengambil kira kos makanan dan penjagaan ternakan. Jika di Lembah Klang, harganya boleh mencecah RM1,000 seekor.

"Kemasukan haiwan ternakan secara haram ini sekaligus akan menjejaskan penternak tempatan terutamanya di Kelantan; Terengganu; Kedah dan Perak. Sudah pasti kita perlu utamakan penternak tempatan.

"Kita juga bimbang, ternakan yang masuk ini membawa penyakit kerana tidak melalui proses pemeriksaan dan kelulusan daripada Jabatan Veterinar," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di sini, hari ini.

Terdahulu, pada majlis berkenaan Mohamad melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak yang dikenali sebagai Klinik Doktor Pokok yang menyediakan kemudahan seperti makmal mini (khidmat analisis air/tanah, diagnostik penyakit/perosak), bahan rujukan, ruangan perbincangan, dan kemudahan pameran.

Beliau berkata, setakat ini perkhidmatan berkenaan disediakan di empat negeri iaitu Selangor; Negeri Sembilan; Melaka serta Johor dan ia akan dikembangkan ke setiap negeri.

"Untuk mereka yang hadapi masalah tanaman seperti kerosakan atau terkena penyakit boleh dihubungi doktor pokok.

"Mereka dibekalkan dengan alat moden untuk mengesan penyakit dengan segera dan menasihatkan pekebun dengan penyelesaian segera mengikut ilmu yang dibekalkan kepada mereka," katanya.-[MYMETRO](#)

## Tingkat Kawalan Di Sempadan Tangani Kemasukan Kambing, Lembu Murah Menjelang Aidiladha

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernamea	Am	Online	29 April



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (tengah) melancarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pertanian di Tanah Gambut Sedia Ada pada majlis Perasmian Simposium Pengembangan Jabatan Pertanian Tahun 2024, hari ini. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali (kanan) dan Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi (kiri).

KLANG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meminta jabatan dan agensi kerajaan berkaitan kawalan sempadan memperhebat penguatkuasaan serta kawalan di pintu masuk negara bagi menangani kemasukan kambing dan lembu murah serta diragui status kesihatannya menjelang Aidiladha akan datang.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata peningkatan kawalan khususnya di sempadan utara dan pantai timur Semenanjung dapat membantu usaha

kementerian mengekang kemasukan ternakan itu secara tidak sah yang memberi kesan dari aspek persaingan harga kepada penternak tempatan.

"Langkah ini penting bagi membanteras penyeludupan kambing dan lembu yang tidak diketahui tahap kesihatannya masuk ke negara ini, yang turut menjadi faktor kejatuhan harga dan permintaan terhadap produk hasil penternak tempatan.

"Jika ternakan ini masuk tidak mengikuti proses undang-undang, ia akan mendatangkan banyak kesan kepada penternak kita terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak, dan atas faktor itu kita harap penguatkuasaan di sempadan dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di sini hari ini.

Terdahulu, Mohamad turut melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak dikenali sebagai Klinik Doktor Pokok yang menyediakan kemudahan seperti makmal mini (khidmat analisis air/tanah, diagnostik penyakit/perosak), bahan rujukan, ruangan perbincangan dan kemudahan pameran pada simposium yang berlangsung tiga hari bermula semalam.

Berhubung Klinik Doktor Pokok, beliau berkata setakat ini perkhidmatan berkenaan telah disediakan di empat negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka serta Johor dan akan dikembangkan ke seluruh negara selepas ini.

Sementara itu, simposium yang dilaksanakan secara hibrid itu disertai kira-kira

1,000 peserta terdiri daripada pegawai pengembangan dari Jabatan Pertanian Malaysia termasuk Jabatan Pertanian Sabah dan Sarawak, pegawai kader Skim G (pertanian) yang berkhidmat di pelbagai kementerian, jabatan dan agensi serta petani/usahawan dari seluruh negara.

Sebanyak enam kertas kerja akan dibentangkan oleh pegawai daripada pelbagai kementerian termasuk perkongsian kejayaan oleh dua usahawan terpilih.-

[BERNAMA](#)



## Tingkat Kawalan Di Sempadan Tangani Kemasukan Kambing, Lembu Murah Menjelang Aidiladha

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	29 April



Mohamad Sabu berucap merasmikan majlis Perasmian Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024, hari ini. - Foto Bernama

KLANG: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meminta jabatan dan agensi kerajaan berkaitan kawalan sempadan memperhebat penguatkuasaan serta kawalan di pintu masuk negara bagi menangani kemasukan kambing dan lembu murah serta diragui status kesihatannya menjelang Aidiladha akan datang.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata peningkatan kawalan khususnya di sempadan utara dan pantai timur Semenanjung dapat membantu usaha

kementerian mengekang kemasukan ternakan itu secara tidak sah yang memberi kesan dari aspek persaingan harga kepada penternak tempatan.

"Langkah ini penting bagi membanteras penyeludupan kambing dan lembu yang tidak diketahui tahap kesihatannya masuk ke negara ini, yang turut menjadi faktor kejatuhan harga dan permintaan terhadap produk hasil penternak tempatan.

"Jika ternakan ini masuk tidak mengikuti proses undang-undang, ia akan mendatangkan banyak kesan kepada penternak kita terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak, dan atas faktor itu kita harap penguatkuasaan di sempadan dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di sini hari ini.

Terdahulu, Mohamad turut melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak dikenali sebagai Klinik Doktor Pokok yang menyediakan kemudahan seperti makmal mini (khidmat analisis air/tanah, diagnostik penyakit/perosak), bahan rujukan, ruangan perbincangan dan kemudahan pameran pada simposium yang berlangsung tiga hari bermula semalam.

Berhubung Klinik Doktor Pokok, beliau berkata setakat ini perkhidmatan berkenaan telah disediakan di empat negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka serta Johor dan akan dikembangkan ke seluruh negara selepas ini.

Sementara itu, simposium yang dilaksanakan secara hibrid itu disertai kira-kira

1,000 peserta terdiri daripada pegawai pengembangan dari Jabatan Pertanian Malaysia termasuk Jabatan Pertanian Sabah dan Sarawak, pegawai kader Skim G (pertanian) yang berkhidmat di pelbagai kementerian, jabatan dan agensi serta petani/usahawan dari seluruh negara.

Sebanyak enam kertas kerja akan dibentangkan oleh pegawai daripada pelbagai kementerian termasuk perkongsian kejayaan oleh dua usahawan terpilih.-

[ASTROAWANI](#)

## Food Security Ministry Wants Border Controls Tightened Ahead Of Hari Raya Haji

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
The Star	Nation	Online	29 April



KLANG: The Agriculture and Food Security Ministry has asked government departments and agencies related to border control to intensify enforcement and control at the country's entry points, to deal with the entry of cheap goats and cattle with questionable health status, ahead of the Hari Raya Haji celebration.

Its Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said intensified control and enforcement, particularly at the northern border and the east coast of the Peninsula, could help the

ministry's efforts to curb the illegal entry of livestock, which has an impact on price competition for local breeders.

"This step is important to combat the smuggling of goats and cattle with questionable health status into the country.

"If these livestock enter without following the legal process, it will have effects on our breeders, especially in Kelantan, Terengganu, Kedah and Perak, and for that reason, we hope that

enforcement at the border will be intensified," he said.

He said this to reporters after officiating the Agriculture Department's 2024 Plant Subsector Development Symposium on Monday (April 29).

Earlier, Mohamad launched a mobile development service facility known as the plant clinic, which provides facilities such as mini laboratories (water/soil analysis services, disease/pest diagnostics), reference materials, discussion rooms and exhibition facilities, at a symposium which lasted three days, starting Sunday (April 28).

Regarding the clinic, he said thus far, the service has been provided in four states, namely Selangor, Negeri Sembilan, Melaka and Johor, and it is expected to be expanded nationwide.

Meanwhile, the three-day symposium, which started on Sunday and held in a hybrid manner, was attended by approximately 1,000 participants, consisting of officers from the Agriculture Department, including the Sabah and Sarawak Agriculture Departments; Grade G scheme cadre officers (agriculture) who serve in various ministries,

departments and agencies; as well as farmers and entrepreneurs.

A total of six papers will be presented by officials from various ministries, including the sharing of success by two selected entrepreneurs. -

[BERNAMA](#)

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	9	30 April

# Kawal sempadan elak lembu, kambing diseludup masuk

Ternakan tersebut risiko berpenyakit, selain mengganggu pasaran penternak tempatan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA  
KLANG

**M**enteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu meminta agar penguatkuasaan di sempadan negara dipertingkatkan bagi mengekang penyeludupan kambing dan lembu murah.

Mohamad berkata, ke-masukan bahan mentah yang tidak melalui proses undang-undang akan menyebabkan penternak berdepan masalah terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak.

Ujarnya, ini kerana kambing yang diseludup masuk boleh dijual sekitar RM280 hingga RM300, jauh lebih rendah berbanding haiwan tempatan.

"Penternak kita sekurang-kurangnya perlu menjual sekitar RM600 seekor berdasarkan harga makanan dan semua proses penghasilan lembu dan kambing.

Kalau di Kuala Lumpur dan Lembah Klang mungkin lebih RM1,000.

"Ia perlu dikawal sebaik mungkin oleh jabatan berkenaan supaya penternak tidak berasa kecewa apabila usaha mereka tiada pulangan berbaloi, kos menternak sebenarnya sangat tinggi," ujarnya selepas merasmikan Majlis Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas ditanya mengenai persiapan kerajaan menjelang Hari Raya Aidiladha.

Tambah beliau, selain prihatin dengan penternak tempatan, kerajaan juga bimbang sekiranya lembu dan kambing yang masuk secara haram di negara ini akan membawa penyakit.

"Daging dan sebagainya dari luar negara mesti mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) supaya benda berpenyakit tidak dimakan rakyat Malaysia," jelas

FOTO: BERNAMA



Mohamad (tengah) melancarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pertanian di Tanah Gambut Sedia Ada pada majlis Perasmian Simposium Pengembangan Jabatan Pertanian Tahun 2024 pada Isnin.

beliau. Sementara itu, Mohamad memberitahu, Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 yang diadakan selama tiga hari secara hibrid itu berjaya mengumpul hampir 1,000 peserta.

"Mereka terdiri daripada pe-main industri di dalam subsektor tanaman makanan dan pengembangan daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. "Program sebegini sangat

baik untuk mengangkat dan memacu transformasi positif sektor agromakanan ke arah pembangunan inovatif serta sistem pengembangan pertanian dalam subsektor tanaman makanan," katanya.

Dalam majlis tersebut, Mohamad turut melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak yang dikenali sebagai Klinik Doktor Pokok.

"Perkhidmatan bergerak ini menyediakan kemudahan seperti makmal mini, bahan rujukan, ruangan perbincangan dan kemudahan pameran.

"Mereka dibekalkan dengan teknologi moden untuk meringankan penyakit dengan segera selain memberi nasihat kepada pekebun bagi menyelesaikan masalah melibatkan pokok sakit.

"Setakat ini ia dilancarkan di empat buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Bagaimanapun akan dikembangkan ke seluruh negara," jelasnya.

## Penternak Dakwa PBT Sita Haiwan Dalam Kandang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	24	30 April

### Penternak dakwa PBT sita haiwan dalam kandang



Sekumpulan penternak menyertai perhimpunan aman di hadapan MDKpr pada Isnin.

**KAMPAR** - Beberapa penternak mempersoal prosedur operasi tangkapan selepas mendakwa haiwan ternakan mereka yang berada di kandang dan kawasan persendirian disita pihak berkuasa tempatan (PBT).

Wakil penternak, Mohamad Yusof Yasin, 65, berkata dilema dihadapi hampir 150 penternak mengakibatkan mereka menanggung kerugian ribuan ringgit.

"Kami tidak nafikan ada juga tangkapan haiwan ternakan berkeliaran di jalan. Itu kami akur jika dikenakan tindakan.

"Tetapi dalam kes ini, penguat kuasa seolah mengambil kesempatan menjalankan operasi sama terhadap haiwan di kawasan persendirian termasuk dalam kandang milik penternak.

"Sekiranya penternak patuh kepada peraturan, kami berharap penguat kuasa PBT bertindak di bawah lingkungan

undang-undang," katanya ketika perhimpunan aman di Majlis Daerah Kampar (MDKpr) di sini pada Isnin.

Beliau berkata, kes terbaharu melibatkan seorang penternak apabila dua kerbau didapati hilang dari kandang.

Katanya, pemeriksaan rakaman video diperolehi menunjukkan kerbau terbabit ditarik keluar dan dibawa menggunakan kenderaan milik PBT dan sudah membuat laporan polis.

Dalam pada itu, MDKpr dalam satu kenyataan memaklumkan perkara itu sudah berada dalam siasatan polis.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kampar, Superintenden Mohamad Nazri Daud ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan dibuat penternak terbabit.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan atas kesalahan mencuri," katanya.

# Perketat Sempadan, Kekang Penyeludupan Kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	5	30 April

## Perketat sempadan, kekang penyeludupan kambing



MOHAMAD ketika melawat pameran sempena Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman di Klang semalam.

**KLANG** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kawalan sempadan dipertingkatkan bagi mengekang kes-kes penyeludupan kambing dan lembu terutamanya menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha, tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kegiatan penyeludupan secara bertelusan itu bukan sahaja menjejaskan penternak tempatan terutamanya dari segi harga jualan, malah dikhuatiri memasuki haiwan berkenaan membawa penyakit.

"Bagi persiapan Aidiladha, kita harap kawalan sempadan dipertingkatkan, bimbang ia akan meningkat. Kambing seludup harganya murah RM280 hingga RM300 sedangkan pen-

“**Bagi persiapan Aidiladha, kita harap kawalan sempadan dipertingkatkan, bimbang ia akan meningkat. Kambing seludup harganya murah RM280 hingga RM300 sedangkan penternak kita perlu menjual dengan harga RM600.**”

ternak kita perlu menjual dengan harga RM600.

"Di Kuala Lumpur dan Lem-

bah Klang harganya mampu mencecah lebih RM1,000. Jadi, harga kambing seludup yang dijual murah pastinya memberikan kesan kepada penternak tempatan," katanya.

Terdahulu beliau merasmikan Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di KSL Esplanade Hotel Klang di sini semalam.

Tambah Mohamad, penyeludupan haiwan ternakan sekali gus menjejaskan penternak tempatan terutamanya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak.

"Kita juga bimbang ternakan yang dibawa masuk ini membawa penyakit kerana tidak melalui proses pemeriksaan dan kelulusan daripada Jabatan Veterinar," ujarnya.

## Lembu Sado Jenis Limousin

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33	30 April

### Lembu sado jenis Limousin


**SAMBUTAN** Hari Veterinar Sedunia (HVS) 2024 di Laman Ternakan (MAEPS), Serdang bermula 25 hingga 28 April berakhir meriah.

Antara aktiviti menarik disediakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sempena program HVS 2024 ialah pameran dan pertandingan kucing, Meow Fiesta dan Kebuniti Ternakan yang melibatkan pameran unggas (ayam katik, serama, ayam kampung dan lain-lain).

Sambutan secara besar-besaran itu adalah bagi

menghargai sumbangan veterinarwan-veterinarwan dalam memastikan kesihatan dan kebajikan haiwan terpelihara sekali gus memastikan kesejahteraan serta keharmonian antara manusia dan haiwan dicapai.

■ **SEEKOR** Lembu Sado jenis 'Limousin' dipamerkan kepada orang awam yang berkunjung bersempena dengan program Hari Veterinar 2024 di Ladang Ternakan, MAEPS, Serdang baru-baru ini. - **UTUSAN/AMIR KHALID**





**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR